

Hobi saya ialah bermain basikal. Selepas pulang dari sekolah, saya akan keluar bersama adik dan kawan-kawan. Kami akan bermain di taman yang berdekatan dengan rumah. Di taman itu, ada jalan yang luas dan selamat untuk kami mengayuh basikal. Saya suka bermain basikal kerana aktiviti ini menyeronokkan dan menyihatkan badan. Kami bermain basikal dengan sangat gembira. Selepas bermain basikal, saya akan minum air sejuk dan berehat di rumah. Ibu selalu menyediakan makanan ringan seperti biskut dan buah-buahan untuk kami.

1. Hobi saya ialah _____.
2. Selepas pulang dari sekolah, saya akan keluar bersama _____.
3. Di manakah saya bermain basikal?
_____.
4. Saya suka bermain basikal kerana aktiviti ini _____.
5. Apakah yang saya buat selepas bermain basikal?
_____.